

22/12/1999

MDP minta Kit Siang hentikan retorik politik

KUALA LUMPUR, Selasa - Parti Demokratik Malaysia (MDP) hari ini meminta Pengerusi Kebangsaan DAP Lim Kit Siang berhenti daripada membuat retorik politik dan menjelaskan kepada orang ramai mengapa DAP tidak menganggotai Kabinet bayangan Pas yang diumumkan semalam.

Setiausaha Agung MDP, Wee Choo Keong, berkata Kit Siang perlu menghentikan segala usaha sia-sianya cuba menjadi jaguh politik Malaysia kerana nyata sekali rakyat Malaysia sudah menolaknya.

"Dengan kekalahan beliau di Bukit Bendera, Kit Siang kini cuba membuat gimik politik seolah-olah untuk membuktikan kepada pengundi sifat tanggungjawabnya dengan meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP.

"Nyata sekali ia adalah cubaan untuk mengelirukan orang ramai kerana selepas peletakan jawatannya beliau dilantik sebagai Pengerusi Kebangsaan DAP," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini.

Wee menyifatkan Kit Siang ahli politik muflis dan cuba mencari tapak untuk kembali dalam arena politik selepas cara politiknya ditolak.

Katanya, pengumuman Kit Siang semalam, untuk cuti sabatikal daripada politik antara dua hingga tiga tahun adalah bertujuan mengabui mata orang ramai, kononnya hendak menilai semula pembabitannya dalam arena politik Malaysia.

"Sebenarnya, pengumuman yang dibuat itu hanya pembohongan kerana hakikatnya dia tidak pernah mengambil cuti sabatikal sama seperti pengumuman yang dibuatnya selepas prestasi teruk DAP dalam pilihan raya 1995," katanya.

Beliau juga meminta Kit Siang memberi penjelasan mengenai ketiadaan ahli DAP dalam Kabinet bayangan yang diumumkan Pas, baru-baru ini, walaupun parti itu menjadi sebahagian barisan alternatif.

"Ternyata Kit Siang hanya berani memberi reaksi negatif terhadap Kabinet yang dibentuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi mendiamkan diri terhadap Kabinet bayangan Pas.

"Kit Siang perlu memberi penjelasan bagaimana kepentingan pelbagai masyarakat dapat diwakili DAP dalam Kabinet bayangan itu kerana ia hanya dianggotai anggota Parlimen Pas.

"Nampaknya peranan 10 ahli Parlimen DAP dalam Parlimen hanyalah sebagai menambah bilangan anggota pembangkang," katanya.

Wee menyamakan situasi itu dengan semua jawatan menteri kerajaan diberikan kepada anggota Parlimen Umno dan parti komponen lain Barisan Nasional dipinggirkan.

Beliau berkata jika ini berlaku, Kit Siang adalah orang pertama yang akan mengkritik dan meminta parti komponen lain keluar BN.

(END)